

Aktif teater bukan halangan Nurnajat raih Anugerah Prihatin Puspanita



Kuantan, 18 November- Penerima Anugerah Puspanita pada Majlis Konvokesyen Ke-12 Universiti Malaysia PAHANG (UMP), Nurnajat Nadira Abdul Rahman, 24 menjadikan sokongan ibu bapanya sebagai pembakar semangat dalam mengejar impian.

Beliau tidak menyangka dipilih menerima anugerah yang buat pertama kalinya diperkenalkan pada Majlis Konvokesyen UMP Kali ke-12 hasil sumbangan Persatuan Suri & Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA).

"Anugerah ini akan terus menjadi pemangkin semangat untuk terus menyumbang bakti kepada komuniti dan masyarakat," kata anak kelahiran Alor Setar, Kedah ini yang merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA).

Bagi beliau, doa serta sokongan kedua ibu bapanya, Abdul Rahman Abdullah, 57 dan Rohani Yahaya, 52 serta kawan-kawannya adalah penyumbang terbesar kejayaan beliau dalam memotivasi diri untuk menamatkan pengajian dengan

kejayaan yang cemerlang.

Percaya dengan kata-kata, "Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya," beliau juga aktif dalam bidang pementasan teater. Sepanjang tempoh pengajian di UMP, Nurnajat telah menganjurkan pementasan teater muzikal berskala besar dalam kampus melibatkan pelajar kampus Pekan dan Gambang dengan kerjasama RTM dan agensi luar.

Baginya, kejayaan ini membuktikan kebolehan mahasiswa UMP yang berlatarkan jurusan teknikal tetapi mampu berkarya dan berseni kepada pihak universiti. Tambah beliau, tiada kejayaan yang dicapai tanpa bantuan malahan setiap perkara yang dilakukan pasti memerlukan bantuan atau sokongan orang sekeliling.

Antara kenangan yang tidak dapat dilupakan adalah mendapat tempat pertama dalam menyertai pertandingan teater peringkat negeri seterusnya berpeluang ke Perth, Australia bersama barisan kepimpinan MPP 2015/2016 bagi program Culture Immersion and Leadership Skill.

Anak ketiga dari lima adik-beradik ini menyifatkan UMP adalah sebuah institusi yang mesra mahasiswa yang mana pihak pengurusan memberi sokongan penuh terhadap setiap aktiviti-aktiviti anjuran mahasiswa. Kini, beliau menyandang jawatan sebagai jurutera di Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay (SPYTL), Kuala Lumpur.

Beliau menekankan bahawa mahasiswa perlu terus melibatkan diri dengan apa jua bidang yang diminati tanpa menganggap jurusan itu sebagai penhalang untuk mendapatkan kejayaan.

Penganugerahan ini diharapkan dapat memberi inspirasi kepada mahasiswa lain untuk terus aktif dalam aktiviti luar kampus tanpa mengeneplikan pencapaian akademik. Bahkan, Nurnajat akan berulang-alik dari Kuala Lumpur ke UMP untuk terus menyumbang dalam program teater di universiti.

Disediakan oleh Norhidayah Mohamad, dari Bahagian Komunikasi Korporat. Gambar oleh Mustakim, FSKKP

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 22-11-2017, 14:08:47